

14 APR 2001

Mahathir-Pertemuan

UMNO MASIH TERBUKA UNTUK BERTEMU DENGAN PAS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno masih bersikap terbuka dalam memastikan pertemuan Umno-Pas bagi membincangkan soal perpaduan Melayu menjadi kenyataan.

"Kita masih terbuka. Kalau mereka sanggup berbincang, kalau nak bincang perkara lain pun boleh.

"Tapi kita dah sebut tentang perkara-perkara kita nak bincang...empat perkara," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka sempena Hari Vasakhi iaitu perayaan yang disambut masyarakat Sikh di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno diminta mengulas perkembangan terbaru mengenai rancangan pertemuan antara kedua-dua parti itu.

Beliau tidak lama dahulu menyatakan empat perkara yang ingin dibincangkan Umno dalam pertemuan itu ialah soal hak istimewa orang Melayu, kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedaulatan institusi Raja-raja Melayu.

Menurut Dr Mahathir, kata sepakat sepatutnya dicapai mengenai perkara-perkara berkaitan kepentingan orang Melayu seperti apa yang termaktub dalam Perlembagaan.

"Berkenaan kepentingan orang Melayu, kita sepatutnya ada kata sepakat. Itu bukan subjek politik. Di negara ini (empat perkara itu) sudah ada dalam Perlembagaan, jadi kita tak minta lebih dari itu. Sama ada mereka sokong Perlembagaan atau tidak, kalau mereka sokongpun mereka tidak akan rugi dari segi politik," katanya.

Menyentuh syarat-syarat yang dikenakan pihak Pas sebelum pertemuan itu boleh diadakan, Dr Mahathir berkata: "Takdan (belum) bercakap lagi dah kena bersetuju, macam mana".

Pas menetapkan tiga pra-syarat sebelum mengadakan pertemuan iaitu mengembalikan royalti petroleum kepada kerajaan negeri Terengganu dan membenarkan "Harakah" diterbitkan dua kali seminggu.

Syarat ketiga iaitu membatalkan pengguguran perkataan Islam pada nama pertubuhan atau persatuan tidak lagi timbul berikutan keputusan Majlis Raja-raja membenarkan penggunaannya.

-- LAGI

MS MAM FAZ